

Didik Anak Autisme, Cemerlang Akademik



Sungguh inspirasi pengorbanan ibu bapa ini

Semua ibu bapa mahukan anak berjaya menjalani kehidupan di dunia dan akhirat. Malah menjadi tanggungjawab yang besar kerana anak diibaratkan seperti kain putih dan ibu bapalah yang mencorakkan mereka. Kisah keluarga ini yang mempunyai anak autisme sungguh inspirasi!

Sesuai dengan ungkapan kasih ibu membawa ke syurga, kasih ayah sepanjang masa. Kesungguhan pasangan suami isteri ini memberikan pendidikan yang terbaik buat anak tercinta sungguh inspirasi. Izz Imil Shahrom, 7 tahun yang merupakan anak kepada pasangan Shahrom Abdul Ghani dan isterinya, Ilya Abdul Aziz, telah disahkan mempunyai mild autisme dalam spektrum high functioning dan dikategorikan sebagai Hyperlexic atau Einstein Syndrome. Izz Imil Shahrom yang sanggup melupakan kerjaya mengajar 'autocad' dan pensyarah sambilan demi menguruskan pembelajaran anak tersayang sepenuh masa berkata, anaknya mula menunjukkan tanda autisme apabila tidak boleh mendengar bunyi bising.

"Tanda-tanda autisme Izz semakin nampak dan dia tidak boleh mendengar bunyi yang sangat bising dan saat menyambut hari lahir, akan menangis dan mengamuk. Juga tidak fasih bercakap dan suka bermain dengan kanak-kanak yang lebih tua darinya.

"Semasa berusia setahun setengah, Izz masih belum boleh bercakap atau membuat bunyi seperti kanak-kanak seusianya tetapi sudah mula mengira di dalam Bahasa Inggeris. Pada usia dua tahun sudah boleh mengira hingga beratus dan boleh membaca abjad ABC sehingga habis dan secara terbalik serta mengenali huruf-huruf jawi," jelas Shahrom.

TERAPI LUAR NEGARA

Setelah anaknya Izz disahkan mempunyai mild autisme dalam spektrum high functioning dan dikategorikan sebagai Hyperlexic atau Einstein Syndrome, pasangan ini bertindak pantas dengan mendapatkan maklumat dan berjumpa pakar. Akhirnya mereka mengambil keputusan untuk mendapatkan terapi di luar negara selama setahun untuk rawatan



lanjut ketika usia Izz dua tahun.

Pasangan ini bernasib baik apabila ibu Izz mendapat peluang bekerja di Houston, Texas dan mereka mendapat pertolongan dari pakar dari sana.

"Saya bersyukur, isteri berpeluang bekerja di Houston, Texas, dari situ kami mengambil kesempatan mencari sekolah-sekolah yang sesuai untuk high functioning children dan juga menghantar Izz ke pusat-pusat terapi untuk speech therapy, occupational therapy dan music therapy.


"Kami pergi berjumpa Director of Autism di University of Texas Hospital, Texas USA dan Izz didiagnos sebagai 'mild autism' dan 'Hyperlexic'. Kami merancang melakukan terapi dan juga persekolahannya bersama pakar-pakar di sana. Izz belum boleh bercakap two way communication dan kami banyak bercakap dengannya dalam ayat-ayat yang ringkas sambil bekerjasama dengan terapi di sana," jelas Shahrom lagi.

Setelah pulang ke Malaysia, Izz telah ditempatkan di beberapa buah tadika namun tidak bertahan lama kerana tenaga pengajar di tadika kurang pendedahan mengenai Hyperlexic. Sempat mengikuti pembelajaran di sebuah sekolah antarabangsa sebagai murid darjah dua pada usia lima tahun.

Akhirnya penantian Izz untuk mendapatkan pusat pembelajaran yang sesuai dengan daya pemikirannya berakhir setelah berjaya melepasi beberapa ujian. Izz sebelum ini pernah mengikuti pembelajaran di Kolej Permata Pintar UKM di kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dengan mengikuti kelas dua kali seminggu untuk belajar Matematik dan Kimia dengan tunjuk ajar pensyarah yang berkaliber.

Kini Izz tidak lagi mengikuti sekolah di Permata Pintar setelah pembelajaran kelas tingkatan 1,2,3 telah berpindah ke seremban. Ekoran itu, keluarganya mengambil keputusan untuk melakukan pembelajaran secara homeschooling di rumah.

"Inshaallah nanti tahun 2019 Izz akan masuk sekolah dengan pelajar-pelajar yang lebih kurang baya dengannya untuk sosial tetapi tetap akan fokus dan belajar apa yang dia minat dengan teknik pembelajaran one to one," jelas Ilimi Shahrom.



PERKEMBANGAN LUAR BIASA

Mempunyai daya pemikiran yang luar biasa ekoran mampu membaca dan mengira dengan tepat. Lebih mengejutkan, anak kecil ini gemar membaca buku Secret Of Mental Math dan menyebut dengan lancar carta Periodic Table Of The Elements iaitu jadual berkala mengenai susunan unsur-unsur kimia. Ini benar-benar menakjubkan! Tidak mustahil suatu hari nanti anak kecil ini bakal bergelar saintis negara sebagaimana cita-citanya iaitu sebagai seorang saintis angkasa.

Pengarah Pusat Permata Pintar UKM, Prof. Datuk Dr. Noriah juga memaklumkan, bahawa Izz Imil memiliki pemikiran menyerupai remaja berusia 16 tahun dan kebolehan luar biasa untuk menguasai pengetahuan yang lebih tinggi daripada usia.

"Izz mempunyai kelebihan dari segi akademik dengan mudah menerima apa sahaja yang berkaitan dengan nombor. Namun kami tidak menganggapnya sebagai seorang yang genius. Kami menyedari Izz berkebolehan dalam beberapa perkara dan kami galakkan untuk terus belajar dalam bidang-bidang tersebut," jelas ibu

Izz yang merupakan pakar geologi dengan sebuah syarikat gas dan minyak.

HARAPAN MASA DEPAN

Setiap ibu bapa tentunya ingin memberikan yang terbaik untuk anak demi masa depannya. Pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit untuk menguruskan anak tersayang bukan menjadi penghalang. Begitulah yang dilakukan oleh ibu bapa Izz.

"Kami berharap Izz gembira bila dia dapat belajar dan bermain apa yang dikehendaki selain dia menjadi seorang yang berguna di dunia dan di dalam bidang agama. Kita tidak tahu anak-anak autisma yang 'Hyperlexic' ini dilahirkan di dalam keluarga yang mampu atau tidak. Kami adalah dari golongan sederhana sahaja tetapi cuba sedaya upaya untuk membantu Izz dari segi emosi, mental dan fizikal.

"Kami berharap ibu bapa akan lebih peka terhadap kanak-kanak seperti Izz sejak dari kecil dan tidak terlepas momen ini. "Kepada kerajaan yang baru diharapkan lebih peka kepada anak-anak seperti Izz kerana ramai mereka ada di Malaysia tetapi tidak tahu hala tuju disebabkan tiada sekolah yang sesuai untuk mereka.

"Diharap satu hari nanti akan tertubuh sebuah sekolah 'high functioning' di Malaysia. Kanak-kanak ini memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar dari pakar walaupun mereka mempunyai kebolehan.

Bagi golongan yang mampu mudah sahaja untuk ke luar negara dan mendapatkan pakar, kami bernasib baik diberi peluang untuk bekerja setahun di luar negara dan kami mengambil peluang sebaik-baiknya untuk membantu Izz dengan terapi dan sekolah yang sesuai. Kepada golongan yang tidak mampu, mereka mungkin mempunyai anak-anak sebegini tetapi tidak dapat mengembangkan bakat mereka kerana terbatas dari segi kewangan dan masa

"Terima kasih kepada Permata Pintar dari tenaga pengajarnya yang sudi mengambil Izz dan mengajarnya walau usianya baru 6 tahun."

